

150 Tahun Luak/Wilayah
Tunku Besar Tampin

OLEH.
MOHD JAAFAR HAJI KASIM.

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

B.1.2

150 Tahun Luak/Wilayah
Tunku Besar Jampin

Oleh.

Mohd Jaafar Hj. Kasim

nya tetap dikenali dari segi sumbangannya di bidang percetakan dan penerbitan buku-buku Melayu di tanah air. Sekian.

RUJUKAN

1. Abdul Ghani Abdullah, *Juita*, Bilangan 1, Tahun 1, September 1948.
2. Cecil K. Byrd, *Early Printing in the Straits Settlements 1806 – 1808*, Singapora National Library, Singapore, 1970.
3. Hashim Awang, *Cerpen-Cerpen Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, Satu Analisa tentang Tema dan Struktur*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.
4. Laurence E. Tomlinsen, *Guttenberg dan the Invention of Printing*, Judd & Detweiler Inc., Washington DC, 1938.
5. Mohd. Jamin Lebai Din, *Percetakan Melayu Kuala Pilah sebagai Satu Institusi Kesusasteraan*, Tesis B.A. (tidak diterbitkan), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

150 TAHUN LUAK/WILAYAH TUNKU BESAR TAMPIN

Oleh
Mohd. Jaafar Hj. Kasim

a. Makluman:

Tahun Masihi 1984 ini genaplah 150 tahun usia institusi Tunku Besar Tampin, mentadbirkan luak Tampin. Tidak seperti luak-luak lain di dalam kesatuan Negeri Sembilan (1), seolah-olah wujudnya taboo di kalangan sejarawan-penyelidik yang non-bias untuk menulis sejarah asal-mulanya tradisi patron-client Tampin.

b. Melepaskan diri dari induknya:

Mochtar Naim menganggarkan bahawa Negeri Sembilan telah melepaskan dirinya dari ikatan daerah induknya, Minangkabau pada sekitaran tahun 1809. Tampin telah melepaskan dirinya dari induk, tanah Kerjan (2) sekitaran tahun 1834.

Raja Ali, yang pernah memberi bantuan kepada Dato' Bogok 1812—1819, Undang Rembau Ke 12, telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau II. Raja Ali adalah anak saudara Raja Asil, Yamtuan Muda Rembau I, 1798 — 1815. Raja Asil dilantik sebagai Yamtuan Muda Rembau I oleh Dato' Kusil, Undang Rembau Ke II, selepas pemecatan Undang Rembau ke 10, Dato' Pekak.

Raja Asil telah berpihak kepada Raja Haji, putera Daeng Celak, Riau, zuriat Bugis dalam pergaduhan Rembau — Bugis. Dalam pergeseran yang berpuncakan perbuatan Raja Haji menculik anak perempuan Dato' Bogok itu, Raja Ali dan Dato' Muda Linggi, Jerangan Abdul Rahman telah membantu Undang Luak Rembau. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1812. Kesan kekalahan Raja Haji, memaksa menyerahkan jawatan Yamtuan Muda Rembau oleh Raja Asil. Beliau telah melarikan diri ke Melaka. Raja Ali telah dilantik sebagai Yamtuan Muda Rembau II.

1. Buyung Adil menegaskan bahawa kesatuan Negeri Sembilan lahir pada 18 Mac, 1889 di atas persetujuan Yamtuan Sri Menanti, Undang Luak Sungai Ujong, Jelabu, Johor, Rembau dan Tunku Besar Tampin.

2. Rembau dirujukkan sebagai tanah Kerjan kerana di Penajah Banda, kini Astana Raja, Yamtuan Raja Melewar 1773 — 1795 telah ditabalkan.

Dalam tahun 1830, Raja Ali telah mengistiharkan Syed Syaaban Syed Ibrahim Alqadri sebagai Yamtuan Muda Rembau III. J.M. Gullick menulis bahawa Syed Syaaban itu adalah anak kepada seorang Arab, pengembang Agama dari Melaka dan berkahwin dengan anak perempuan kepada Yamtuan Muda Rembau dan menegakkan satu keturunan diraja di Tampin. Perang Naning juga telah melupuskan kekuasaan Naning ke atas Tebong.

Mengikut Cowan, sesudah Perang Naning, Raja Ali bertambah tekad dan meletakkan diri beliau sebagai Yang DiPertuan Negeri Sembilan. Dalam masa yang sama Syed Syaaban mula mengganggu-gugat untuk menguasai perdagangan bijih timah di Sungai Linggi (3).

Dalam masa serentak, Yamtuan Sri Menanti, Raja Labuh atau Raja Sati telah dipecat dari jawatannya. Raja Sati telah beristerikan anak perempuan Raja Asil, Yamtuan Muda Rembau I, bapa saudara Raja Ali. Dari segi penyandang Yamtuan Sri Menanti, beliau hanya diakui oleh Dato' Klana Sungai Ujong, yang telah melantiknya.

Pemecatan Raja Sati berpunca dari perselisihannya dengan Dato' Klana Sungai Ujong, Dato' Kawal kerana berebut wang tembaga, pertaruhan dalam perjudian sabong ayam di Sri Menanti. Empat orang calon telah menuntut hak menjadi Yamtuan Sri Menanti. Mereka terdiri dari Raja Radin, anak Yamtuan Lenggang; Raja Beringin, pengasuh Yamtuan Radin, Raja Kerjan, pernah memegang jawatan Yamtuan dan Raja Ali, yang menjadi Yamtuan Muda Rembau II.

Dalam perebutan takhta itu Dato' Klana Kawal bersama Dato' Undang Rembau, Dato' Nganit telah melantik Raja Radin sebagai Yamtuan Sri Menanti. Dalam usaha Syed Syaaban memonopoli perdagangan bijih di Sungai Linggi, beliau telah mengenakan cukai sebanyak \$2.00 untuk setiap bahtara yang melalui Sungai Linggi dari Sungai Ujong. Syed Syaaban telah menggunakan Simpang (4) sebagai kubunya. Simpang merupakan sebuah tempat yang paling strategik dalam dunia perdagangan di antara Sungai Ujong dengan Melaka. Ia terletak di pertemuan Sungai Batang Penajih, di Wilayah Rembau dan Sungai Batang Benar, di wilayah Sungai Ujong.

Ancaman Syed Syaaban ke atas perdagangan dan keselamatan Linggi telah memaksa Dato Muda Linggi, Dato Mohd Katas mengiystiharkan perang terhadap Syed Syaaban. Dato' Klana Sungai Ujong, Yamtuan Radin dari Sri Menanti telah memberi bantuan kepada Dato' Muda Linggi. Undang Luak Rembau, Dato Nganit telah menolak permintaan Syed Syaaban membantunya. Raja Ali dan Syed Syaaban telah tewas.

-
3. Hubungan Rembau, Linggi dan Tampin dirumuskan sebagai, "Linggi beribukan Rembau, Tampin adalah serambi Rembau".
 4. Bendera Linggi sekarang.

Pengistiharan perang ke atas Syed Syaaban oleh Dato' Muda Linggi bukan sahaja untuk menjaga perdagangan dan keselamatan Linggi tetapi juga cuba memutuskan persahabatan di antara Syed Syaaban – Nakhoda Lub disatu pihak dan perhubungan di antara Raja Ali – Inggeris di Negeri-Negeri Selat khususnya Melaka. Nakhoda Lub telah memohon bantuan dari Syed Syaaban untuk menjatuhkan Dato' Muda Linggi, Mohd Katas. Raja Ali dan Syed Syaaban telah dua kali menandatangani perjanjian dengan Inggeris, 20 Januari, 1832 dan 9 Januari 1833 tanpa Pengetahuan Undang Rembau.

Peristiwa itu telah membawa tertubuhnya pakatan Sungai Ujong – Rembau dan pakatan Kawal – Nganit yang berjaya mengusir Syed Syaaban serta mertuanya, Raja Ali dari Rembau. Raja Ali lari ke Lukut, kemudian ke Keru dan mangkat di Keru pada tahun 1850. Beliau telah dikebumikan di Kampong Padang Lebar, Keru Hilir, Tampin. Syed Syaaban telah pergi ke Serambi atau Baroh Rembau serta memerintah di situ dengan melucutkan gelaran Yamtuan Muda Rembau. Beliau menggelar dirinya sebagai Tunku Besar Tampin pada tahun 1834.

Berdasarkan liputan peristiwa di atas, M.B. Hooker merumuskan bahawa Luak Tampin lahir sebagai kesan daripada Perang Nanning dan pergeseran dinasti yang melibatkan Rembau dan Sri Menanti. Perang Nanning membawa kepada kehilangan kuasa Nanning ke atas Gemencheh dan Air Kuning. Ia juga telah meningkatkan kekuasaan Raja Ali dan Syed Syaaban di Rembau. Pemecatan Yamtuan Sati di Sri Menanti oleh Dato' Klana Sungai Ujong membawa kepada 'isytihar-diri' oleh Raja Ali sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Suasana ini diakhiri dengan pengusiran Raja Ali dan Syed Syaaban dari tanah Kerjan. Tindakan itu dilakukan bersama oleh Undang Luak Rembau dan Dato' Klana Sungai Ujong.

Tunku Besar Tampin sesungguhnya sebuah jawatan yang berakar-umbikan gelaran Yamtuan Muda Rembau. Raja Asil, Yamtuan Muda Rembau I, adalah anak Raja Adil, adinda Raja Melewar, Yamtuan Sri Menanti I, yang dikerjankan di Penajah, Rembau pada tahun 1773.

M.B. Hooker menegaskan bahawa zuriat Raja Adil adalah pengasas keluarga diraja Tampin. Wujudnya gelaran Tunku Besar Tampin 1834 bermakna lepasiah Tampin dari induknya.

c. Institusi Tunku Besar Tampin.

Abdullah Siddik membahagikan Negeri Sembilan kepada tiga belas luak masyarakat Hukum Adat (5). Beliau menyenaraikan Daerah Tampin dengan ibu-

-
5. Luasnya daerah-daerah masyarakat Hukum Adat tidak sama dengan daerah. Hanya Daerah Rembau dan Daerah Jelabu sahaja yang sama dengan keluasan daerah masyarakat Hukum Adat. Daerah Tampin termasuklah luak-luak Gemencheh, Air Kuning dan Tampin.

kotanya Tampin sebagai masyarakat Hukum Adat ke 12. Mengikuti M.B. Hooker dari segi Perlembagaan Adat kedudukan luak-luak tidak setaraf. Ia dikelompokkan kepada empat. Daerah kawasan Tunku Besar Tampin dimasukkan dalam kelompok ke 4 bersama-sama dengan Inas, Linggi, Gemencheh dan Air Kuning.

Luak Tampin yang telah melepaskan dirinya dari induknya, Rembau pada 1834 itu, bermula dari Gunung Tampin sehingga Bukit Putus dan ke Timurnya hingga ke Jeram sempadan Tampin - Johol. Pada tahun-tahun berikutnya, Tampin telah diasaskan dengan merangkumi empat kawasan. Kawasan-kawasan itu ialah Tampin, Keru, Repah dan Tebong. Bidang kuasa Tunku Besar Tampin adalah dikawasan-kawasan berkenaan, dinamakan Wilayah Tunku Besar Tampin.

Nordin Selat menegaskan bahawa jawatan Tunku Besar Tampin adalah diwariskan kepada anak lelaki sulung darah diraja dari zuriat Syed Hamid Syed Syaaban, Tunku Besar Tampin kedua. Syed Syaaban Syed Ibrahim AlQadri, Tunku Besar Tampin pertama telah mendirikan istananya di Tampin Tengah pada tahun 1934. Istana itu berhampiran Masjid Tunku Besar atau Kampong Sri Cenderam kini.

Tunku Besar Tampin tidak terlibat didalam proses perlantikan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan. Hanya Undang yang empat sahaja terlibat dalam perlantikan tersebut. Tunku Besar Tampin hanya menghadiri pertabalan Yamtuan sebagai tamu dan nama beliau tidak disenaraikan dalam senarai aturcara pangkat. Walaupun Tunku Besar Tampin tidak mengadap Yamtuan tetapi beliau turut menganggotai Dewan Keadilan dan Undang. Jestru itu, Tunku Besar Tampin mempunyai kuasa nasihat terhadap segala yang berkenaan dengan Adat dan agama Islam di Negeri Sembilan.

Perhubungan Rembau dengan Tampin adalah tegang semasa Syed Abdul Hamid, Tunku Besar Tampin kedua. Pada tahun 1883, Rembau pernah menyerang istana Tunku Besar, di mana harta benda beliau habis musnah. Mengikuti J.M. Gullick Syed Hamid mempunyai lampu-lampu gantung yang diperbuat dari gangsa, lampu-lampu dinding, gambar berperim, jam kapal, permaidani Turki yang besar dan beberapa permaidani kecil di dalam istananya (6).

Perhubungan tegang di antara daerah induk dengan anaknya berakhir sesudah tamatnya Perang Legung, dalam tahun 1887 di Wilayah Rembau. Perang Legung merupakan percubaan akhir Rembau untuk membawa masuk semula Luak Tampin ke dalam pangkuannya. Panglima perang Tampin telah membuat serangan dengan berkubukan Legung. Perang Shil-Hamid dengan Tampin berketuakan Memperang Khalifah berjaya mengundurkan ancaman Dato' Undang Luak Rembau.

6. 1870an bermulanya kecenderongan pembesar-pembesar feuda! Melayu melengkapkan rumah sia orang-orang Eropah.

Sehingga kini terdapat enam orang Syed telah dilantik sebagai Tunku Besar Tampin. Senarainya adalah seperti berikut:

1. Syed Syaaban bin Syed Ibrahim AlQadri, bekas Yamtuan Muda Rembau terakhir.
2. Syed Abdul Hamid bin Syed Syaaban AlQadri.
3. Syed Dewa Syed Hamid Al Qadri (7).
4. Syed Akhil bin Syed Dewa AlQadri, mangkat semasa masih muda tanpa zuriat.
5. Syed Muhammad bin Syed Dewa AlQadri, mangkat 1929 (8)
6. Syed Idrus Syed Muhammad AlQadri, mula memegang jawatan Tunku Besar pada tahun 1944 hingga kini.

d. Penghulu Pesaka Tampin.

Luak pentadbiran Tunku Besar Tampin dipecahkan kepada empat buah kawasan. Kawasan-kawasan berkenaan ialah Tampin Tengah, Repah, Keru dan Tebong. Disetiap kawasan itu, terdapat seorang pembesar yang dipanggil Jawatan Pesaka Adat sebagai Dato' Penghulu Pesaka. Pecahan luaknya lihat peta pada muka surat 9.


Wilkinson pernah mengatakan bahawa hanya terdapat tiga suku waris sahaja di Tampin. Suku Waris tersebut adalah seperti berikut:

- a. Suku Tiga Batu di Repah.
- b. Suku Batu Hampar di Tampin Tengah.
- c. Suku Mungkal di Keru dan Tebong.

Kajian terbaru telah mengesani sedikit perubahan dalam kedudukan suku waris tersebut. Keadaannya adalah seperti di bawah:

- a. Biduanda di Tampin Tengah, Keru dan Tebong.
- b. Tiga Ratu di Repah. Ia mempunyai dua carak iaitu Carak Tanjong Fisang dan Ketapang Basah.
- c. Jawatan Pesaka Adat tersebut membawa gelaran 'Dato' Kurnia Jasa Bakti', Singkatnya DKJB.

7/8. Selepas Syed Dewa dan Syed Muhammad mangkat Syed Akil dan Syed Idrus masih kecil jawatan Tunku Besar Tampin dipangku oleh Tengku Sharifah Leng Syed Abdul Hamid.



LUAK TAMPIN DAN PECAHAN
4 PENGHULU PESAKA

Berbandukan kepada keadaan di atas, suku Mungkal dan Batu Hampar telah pupus dan tidak lagi merupakan suku waris di Keru, Tebong dan Tampin Tengah. Tempat-tempatnya telah diambilalih oleh suku Biduanda dan Tiga Batu. Dalam hal ini, M.B. Hooker menambah keterangan bahawa kawasan-kawasan yang jaraknya lebih jauh dari perbatasan Tampin-Rembau, dirujukkan kepada kawasan Keru dan Tebong, masing-masing mempunyai ahli daripada suku waris Biduanda dan Tiga Batu, mempunyai sejarah clan immigration yang baru. Dalam kes-kes tertentu, terdapat suku waris yang telah lama usianya, lebih daripada 50 tahun.

Berdasarkan kepada kedudukan di atas, terdapat perhubungan yang akan sama diantara Yamtuan Besar, Sri Menanti dengan penghulu-penghulu luak di-Tanah Mengandung (9). Di kedua luak terdapat istiadat mengadap Yang DiPertuan Besar di Sri Menanti dan Tunku Besar di Tampin dilakukan oleh Dato' Penghulu Pesaka yang empat di Tampin. Di luak Tampin Dato' Penghulu Pesaka tiada hubungan langsung dengan Yang DiPertuan Besar atau dengan Undang-Undang yang empat di Negeri Sembilan.

9. Luak-Luak Tanah Mengandung ialah Ulu Muar, Jempul, Terachi dan Gunung Pesir.

Dalam proses pemilihan Dato' Penghulu Pesaka samada Penghulu Pesaka Repah, Tampin Tengah, Keru dan Tebong, seseorang penyandang itu mestilah ahli suku waris yang berhak bagi menyandang Jawatan Pesaka tersebut mengikut jurai atau salasiah yang ada dan dipelihara mengikut nisab ibu. Walaupun keadaannya demikian tetapi Tunku Besar Tampin sendiri mempunyai 'suara' dalam merestui pilihan tersebut untuk dibawa kepada pengetahuan kerajaan Negeri Sembilan, melalui Majlis Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

Untuk jawatan Dato' Lembaga dalam setiap buah suku ia adalah ditentukan oleh anak-anak buah dalam perut dan sukunya. Sekiranya berlaku pergaduhan di dalam proses pemilihan itu, Dato' Penghulu Pesaka dikawasan itu akan menggunakan kebijaksanaannya dalam menentukan calon pilihan. Dato' Lembaga yang baru dilantik akan dibawa mengadap Dato' Penghulu Pesaka kawasan berkenaan untuk dirasmikan sebagai pemegang jawatan Dato' Lembaga. Kekuasaan dan bidang tugas Dato' Lembaga adalah sama dengan dato'-dato' lembaga di daerah-daerah lain di Negeri Sembilan.

e. Masyarakat Nisab Ibu.

Walaupun Tunku Besar merupakan jawatan yang diwarisi dari keturunan darah diraja lelaki tetapi pembesar-pembesar lain dari nisab ibu, baik di Tampin Tengah, Tebong, Repah mahupun Keru suku seseorang didasarkan kepada suku ibu mereka, dalam lengkungan suku yang dua belas.

Daftar berikut adalah menggambarkan keadaan sebenar disetiap kawasan dalam Luak Tampin, kawasan/wilayah Tunku Besar Tampin.

1. TAMPIN TENGAH

| Lembaga | Suku | Perut/Carak | Kahwin |
|-------------------|--------------------------------------|-------------------------------|----------------------------|
| Menteri | Biduanda (Penyandang Pengkulu) | Seberang | Kahwin sesuku dilarang. |
| Memperang | Batu Belang | Tiada | Sama |
| Kaya Mentri | Sri Melenggang | Bunga Tanjong/ Minangkabau | Sama |
| Paduka Menteri | Tiga Batu | Hulu Hilir | Kahwin sesuku dilarang |

(Jawatan Dato' Lembaga dipusingkan diantara empat perut tersebut. Suku Biduanda adalah Penyandang jawatan Penghulu).

2. REPAH

| Lembaga | Suku | Perut/Carak | Kahwin |
|-----------------|---------------------------------------|----------------------------------|---------------------------|
| Menteri | Tiga Batu (Penyandang Penghulu) | Tanjong Pisang Ketapang Basah | Kahwin sesuku dilarang |
| Akhir Zaman | Tiga Batu Nesan Tinggi | Tiada | Sama |
| Menjaya | Sri Melenggang | Tiada | Sama |
| Sati | Batu Hampar | Tiada | Sama |
| Panglima Besar | Mungkal | Tiada | Sama |
| Perdana | Biduanda | Tiada | Sama |
| Tua Dagang (10) | — | — | Sama |

3. KERU

| Lembaga | Suku | Perut/Carak | Kahwin |
|------------|--------------------------------------|-------------|---------------------------|
| Setia Lela | Biduanda (Penyandang Penghulu) | Hilir/Hulu | Kahwin sesuku dilarang |
| Andika | Sri Melenggang | Hilir/Hulu | Sama |
| Lela Raja | Tiga Batu Peliang | Bukit Baroh | Sama |
| Angkai | Mungkal | Bukit Baroh | Sama |
| Tua Dagang | — | — | Sama |

4. TEBONG

| Lembaga | Suku | Perut/Carak | Kahwin |
|------------|--------------------------------------|-------------|---------------------------|
| Laksamana | Biduanda (Penyandang Penghulu) | Hulu/Hilir | Kahwin sesuku dilarang |
| Angkai | Mungkal | Tiada | Sama |
| Setia Kaya | Paya Kumboh | Tiada | Sama |
| Andika | Anak Melaka | Tiada | Kahwin sesuku dilarang |

(Suku Biduanda dari Tampin Tengah boleh berkahwin dengan suku Biduanda dari kawasan Tebong, Repah dan Keru. Rujuk M.B. Hooker, 1976: 201).

10. Lembaga di mana mereka ditempatkan di kawasan kampung Ulu Yoh.

f. Rumusan:

Tahun ini genaplah 150 tahun usia institusi Tunku Besar Tampin. Umur institusi Tunku Besar Tampin adalah setua usia kewujudan Luak Tampin. Banyak bahan-bahan primer harus didapatkan. Untuk menguji bahan-bahan primer dari segi kebolehpercayaan, bahan-bahan atau data-data tersebut hendaklah dipertimbangkan sama berat dengan maklumat-maklumat sekunder.

g. Rujukan:

1. Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
2. Hooker, M.B., *Adat Laws in Modern Malaya*. Oxford University Press, London, 1976.
3. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
4. Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.
5. Gullick, J.M., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. The Athlone Press, London, 1956.
6. Sumber-sumber tempatan.